

# Dr M saran universiti Jepun di Malaysia

BH - 13/1/2005: 4

**SERI KEMBANGAN:** Tun Dr Mahathir Mohamad menyarankan kepada Kerajaan Jepun membina sebuah universiti Jepun di negara ini bagi mengurangkan kos pembiayaan pengantaran pelajar ke negara itu.

Jika dilaksanakan, keseluruhan sistem universiti itu perlu dikendalikan seperti yang diamalkan di Jepun termasuk bahasa pengantar, budaya dan disiplinnya.

"Bezanya cuma didirikan di Malaysia. Jika Jepun membina universiti di sini, ini bukan saja memanfaatkan pelajar tempatan, malah menarik pelajar negara lain yang miskin dan tidak mampu melanjutkan pengajian ke Jepun berikutan kosnya yang tinggi.

"Saya berharap cadangan ini diberi pertimbangan serius Kerajaan Jepun kerana ini boleh dianggap sebagai kesinambungan terhadap Dasar Pandang Ke Timur," katanya majlis Malam Kenang Budi anjuran Persatuan Alumni Dasar Pandang Ke Timur (ALEPS), di sini, malam tadi.

Dasar Pandang Ke Timur dicetus-


kan Dr Mahathir pada 1982, antara lain bertujuan mencontohi keupayaan Jepun membina semula negaranya yang musnah akibat Perang Dunia Kedua hingga menjadi negara serba moden.

Dr Mahathir yang juga Penasihat Kehormat ALEPS berkata, pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur menyaksikan kira-kira 14,000 pelajar negara ini dihantar melanjutkan pengajian ke Jepun dan menerima latihan sebelum kembali berkhidmat di tanah air.

Beliau berkata, pengamatannya mendapati mereka yang menerima pendidikan dan latihan di Jepun mempunyai sikap berbeza terhadap tanggungjawab, berbanding lulusan universiti negara Barat.

"Mereka lebih tekun, rajin dan berdisiplin terhadap kerja. Mereka tidak membebankan kerajaan dengan masalah.

"Ini berbeza dengan yang kita hantar ke Amerika Syarikat atau negara Eropah yang mana ada antara-



**TUN Dr Mahathir merasmikan ALEPS 2005, malam tadi. - Gambar oleh Salim Shaari**

nya tidak mengenang budi.

"Kita mengharapkan mereka pulang ke tanah air untuk menggunakan pengalaman yang diperolehi, sebaliknya menimbulkan bermacam-macam masalah kepada kerajaan," katanya.

Sambil berharap Dasar Pandang Ke Timur dikekalkan, Dr Mahathir berkata gesaan mencontohi negara seperti Jepun bukan bermakna Amerika Syarikat atau negara Eropah

tidak wajar diteladani.

Bagaimanapun, katanya, kebanyakan negara Barat menghadapi kesukaran mengingati sejarah membangunkan negara kerana berlaku hampir dua abad lalu, berbanding Jepun yang masih baru dalam proses pembinaan semula negaranya.

Dr Mahathir turut menyerahkan sumbangan RM5,000 bagi pihak ALEPS kepada Tabung Mangsa Tsunami.